

27 NOV 1999

DR MAHATHIR TIBA UNTUK RASMIKAN POLITEKNIK DI PERMATANG PAUH

BUKIT MERTA JAM, 27 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di Permatang Pauh dekat sini hari ini untuk merasmikan politeknik Seberang Prai, beliau diiringi isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamad Ali.

Turut hadir untuk majlis itu ialah Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi dan Ketua Menteri Tan Sri Dr Koh Tsu Koon serta Timbalan Menteri Pengangkutan Datuk Dr Ibrahim Saad, yang merupakan calon Barisan Nasional bagi kawasan Parlimen Permatang Pauh.

Politeknik yang ditubuhkan pada September 1998 itu menawarkan kursus peringkat sijil dan diploma dalam bidang kejuruteraan elektrik, kejuruteraan mekanikal dan perdagangan.

Politeknik itu boleh menampung seramai 3,500 pelajar dalam satu-satu sesi pengajian.

--BERNAMA

MH RI